

Kempen Perlindungan Percuma PruBSN

Gemilang 100

Terma dan Syarat ("T&S")

1. Kempen **Gemilang 100** ("Kempen") ini ditawarkan oleh **Prudential BSN Takaful Berhad** ("PruBSN", "Kami"). Dengan menyertai Kempen ini, Anda ("Anda", atau "Pelanggan") bersetuju bahawa Anda telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan T&S Kempen ini dan Polisi Privasi Kami yang boleh diakses di <https://www.prubsn.com.my/ms/privacy-policy/>.

2. **Tempoh Kempen**

Kempen adalah dari **14 Julai 2025 sehingga 30 September 2025**, termasuk kedua-dua tarikh, melainkan jika dipinda oleh PruBSN ("Tempoh Kempen"). Tarikh tamat Kempen akan dikemas kini dalam laman web korporat PruBSN jika terdapat sebarang lanjutan Tempoh Kempen.

3. **Kelayakan Kempen**

- a. Kempen ini terbuka untuk semua Pelanggan baru* PruBSN yang memenuhi kriteria berikut ("Pelanggan yang Layak"):
 - Umur pada Hari Jadi akan Datang (ANB) antara 1 hingga 60 tahun^;
 - Rakyat Malaysia dan kini menetap di Malaysia;
- b. Pelanggan yang Layak mesti memastikan bahawa mereka memberikan nama penuh yang betul, nombor Kad Pengenalan (No. KP), alamat surat-menyurat, emel dan nombor telefon bimbit kepada ejen Kami. Seterusnya, Pelanggan yang Layak mesti mengakui perlindungan dalam Laman Mikro **Gemilang 100** ("Laman Mikro") seperti yang dikongsi oleh ejen Kami sebelum 30 September 2025.

Nota-nota:

* Pelanggan baru merujuk kepada pelanggan yang tiada dalam rekod Kami semasa penyertaan Kempen, dan tidak termasuk ejen aktif dan pekerja PruBSN (termasuk pekerja tetap, kontrak dan sementara, serta pekerja kontinjen).

^ Hanya ibu bapa atau penjaga yang sah boleh mendaftarkan perlindungan percuma ini untuk anak-anak ANB 1 – 16 di bawah jagaan mereka. Bukti perhubungan akan diperlukan semasa penyerahan tuntutan.

4. **Kempen Perlindungan Percuma**

Pelanggan yang Layak yang memenuhi syarat Kelayakan Kempen yang dinyatakan dalam Klausus 3 di atas berhak menerima perlindungan percuma selama tempoh 100 hari bermula dari tarikh pendaftaran Kempen ("Tempoh Perlindungan Kempen").

Perlindungan percuma adalah seperti berikut:

Kejadian Yang Boleh Dituntut	Amaun
Kematian akibat kemalangan disebabkan oleh kejadian berikut: <ul style="list-style-type: none"> • semasa mengerjakan Umrah; ATAU • semasa berulang-alik di pengangkutan awam atau kereta lif; ATAU • semasa pembakaran teater, hotel atau bangunan awam lain. 	RM20,000
Kematian akibat kemalangan bagi kejadian selain daripada yang dinyatakan di atas	RM10,000
Kemasukan ke hospital* akibat kemalangan termasuk semasa mengerjakan Umrah	RM5,000

*Tertakluk kepada pengasingan minimum di hospital selama sekurang-kurangnya 3 hari berturut-turut

Nota-nota:

- Hanya satu daripada perlindungan percuma di atas, yang mana lebih tinggi, akan dibayar semasa Tempoh Perlindungan Kempen.
- Sila rujuk Soalan Lazim ("FAQ") penuh mengenai perlindungan percuma yang dibayar, pengecualian dan takrifan istilah yang digunakan di sini untuk Kempen ini.

Perlindungan percuma ini akan berkuat kuasa selama tempoh 100 hari dari tarikh pendaftaran Kempen (iaitu, Tarikh Mula Perlindungan Percuma), tertakluk kepada T&S ini. Untuk mengelakkan keraguan, Tarikh Mula Perlindungan Percuma adalah seperti yang dinyatakan dalam Slip Pengesahan Pendaftaran Kempen yang dilampirkan di dalam e-mel pengesahan yang dihantar kepada anda apabila penyertaan anda berjaya.

5. Pelanggan yang Layak yang bersetuju untuk menyertai Kempen ini perlu memastikan bahawa maklumat yang diberikan kepada ejen PruBSN adalah tepat. Selepas itu, Pelanggan yang Layak boleh menerima pendaftaran dalam Kempen ini sebelum tarikh tamat Kempen. Penyertaan Kempen yang berjaya akan dimaklumkan melalui emel berdasarkan maklumat terkini seperti yang dinyatakan dalam Laman Mikro.
6. PruBSN boleh meminta maklumat lanjut daripada Pelanggan yang Layak untuk menentukan kesahihan sebarang maklumat yang diberikan, termasuk sama ada ia adalah penipuan atau perkara yang dibesar-besarkan.
7. Sebarang pembayaran oleh PruBSN kepada Pelanggan yang Layak atau pihak menuntut akan dianggap sebagai bayaran penuh, dan PruBSN akan dilepaskan secara automatik dan dilepaskan sepenuhnya daripada kewajipannya berhubung dengan perlindungan percuma, dan tidak akan mempunyai kewajipan dan liabiliti lanjut berhubung dengan Perlindungan Kempen.
8. Keputusan PruBSN mengenai semua perkara berkenaan Kempen ini, termasuk Terma dan Syarat, adalah muktamad, terikat dan konklusif. Sebarang surat-menyerat dan/atau rayuan tidak akan dilayan.
9. PruBSN mempunyai hak untuk memutuskan semua perkara dan pertikaian mengenai Kempen ini.
10. Tanpa mengambil apa-apa perkara yang bertentangan yang terkandung dalam Kempen ini,
 - a) Jika PruBSN mengetahui atau dimaklumkan bahawa Pelanggan yang Layak disenaraikan di dalam mana-mana senarai Sanksi*, atau diancam untuk dimasukkan ke dalam mana-mana senarai Sanksi; atau
 - b) Jika PruBSN boleh didapati melanggar kewajipan Sanksi akibat daripada mengambil sebarang tindakan di bawah Kempen ini, maka PruBSN akan membatalkan kelayakan Pelanggan yang Layak berkuat kuasa serta-merta dengan atau tanpa notis terlebih dahulu kepada Pelanggan yang Layak. PruBSN tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian dalam apa jua bentuk yang mungkin ditanggung oleh Pelanggan yang Layak akibat daripadanya.

*"Sanksi" merujuk kepada langkah-langkah sekatan yang dikenakan ke atas rejim, negara, kerajaan, entiti, individu dan industri yang disasarkan oleh badan atau kerajaan antarabangsa di Malaysia atau di luar Malaysia, termasuk tetapi tidak terhad kepada Office of Financial Sanctions Implementation HM Treasury, Bangsa-Bangsa Bersatu, Kesatuan Eropah, Pejabat Kawalan Aset Asing Jabatan Perbendaharaan AS dan Kementerian Dalam Negeri di Malaysia.

11. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak hendaklah mematuhi semua undang-undang anti-rasuah dan anti-korupsi yang terpakai, termasuk *US Foreign Corrupt Practices Act, UK Bribery Act, Hong Kong Prevention of Bribery Ordinance, Malaysian Anti-Corruption Commission Act 2009*, dan sebarang peraturan dan panduan yang berkaitan dengannya. PruBSN berhak untuk membatalkan penyertaan mana-mana Pelanggan yang Layak tanpa notis sekiranya berlaku sebarang ketidakpatuhan atau pelanggaran undang-undang sehubungan dengan penyertaan Pelanggan yang Layak dalam Kempen ini.
12. Perlindungan percumaakan ditadbir berdasarkan T&C yang ditetapkan untuk Kempen ini, FAQ, serta kriteria kelayakan, yang disediakan di laman web korporat PruBSN ("**Dokumen Lazim**"). Sila ambil perhatian bahawa Dokumen Lazim akan diguna pakai, sekiranya terdapat sebarang ketidakkonsistenan antara Dokumen Lazim dan apa-apa bahan lain yang berkaitan dengan Kempen ini.
13. PruBSN boleh meminda dan/atau mengubah mana-mana bahagian Kempen ini atau menarik balik mana-mana bahagian (atau secara keseluruhan) Kempen ini pada bila-bila masa mengikut budi bicaranya dengan memberi notis terlebih dahulu kepada Anda, di mana notis tersebut akan diberikan oleh PruBSN. Cara pemberitahuan (jika ada) pindaan, penggantungan, penamatkan, kelewatan atau perubahan adalah mengikut budi bicara PruBSN, termasuk tetapi tidak terhad kepada memaparkan perkara yang sama di dalam mana-mana laman web korporat atau laman media sosial PruBSN.
14. T&S di sini akan ditadbir oleh dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan tertakluk kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.
15. T&S tersedia dalam versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia. Sekiranya berlaku sebarang percanggahan, versi bahasa Inggeris akan diutamakan.